

Date and Time: Friday, 14 April 2023 4:33:00PM MYT

Job Number: 194929695

Document (1)

1. [Dalam Perkara: Edwin Cassian a/l Nagappan @ Marie lwn Ex-parte: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja \[2018\] MLJU 2062](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: Edwin Cassian a/l Nagappan @ Marie lwn Ex-parte: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [2018] MLJU 2062

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-

DALAM PERKARA: EDWIN CASSIAN A/L NAGAPPAN @ MARIE v EX-
PARTE: LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

CaseAnalysis

[2018] MLJU 2062

**Dalam Perkara: Edwin Cassian a/l Nagappan @ Marie lwn Ex-parte:
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
[2018] MLJU 2062**

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

HAS ZANAH MEHAT H

KEBANKRAPAN NO 29NCC-4758-09 TAHUN 2016

10 November 2018

*Afifi Ahmad (Siti Masturah bersama beliau) (Azrul Afifi & Azuan) bagi pihak perayu.
Nadaraja a/l Gopalakrishnan (Lavina Dell Akbar Tee & Partners) bagi pihak responden.*

Has Zanah Mehat H:

PENGHAKIMAN

(Lampiran 37) PENGENALAN

[1]Ini adalah rayuan pemiutang penghakiman terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang telah membenarkan permohonan penghutang penghakiman untuk mengetepikan notis kebangkrapan dan petisyen pemiutang.

[2]Pemiutang penghakiman telah memfailkan notis kebangkrapan pada 24.9.2016 berdasarkan penghakiman persetujuan bertarikh 24.4.2013 di antara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang kini pemiutang penghakiman dengan penghutang penghakiman yang merupakan defendan ke-2 dalam penghakiman tersebut. Defendan- defendan yang lain ialah defendan pertama sebuah syarikat dan seorang individu lain iaitu defendan ke-3. Penghakiman tersebut adalah tunggakan caruman KWSP pekerja dan juga tunggakan dividen yang gagal dibayar faedah. Semasa notis kebangkrapan dikeluarkan jumlah yang dituntut adalah sebanyak RM181,933.00.

[3]Pemiutang penghakiman juga telah memfailkan notis kebangkrapan terhadap defendan ke-3 di Mahkamah Tinggi Seremban berdasarkan penghakiman dan jumlah yang sama seperti notis kebangkrapan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Kuala Lumpur.

KES PENGHUTANG PENGHAKIMAN

[4]Asas permohonan pemiutang penghakiman adalah:

- (i) jumlah tuntutan dalam notis kebangkrapan adalah tidak tepat kerana pemiutang penghakiman telah menerima bayaran sebanyak RM42,840.00 pada 24.4.2013;
- (ii) pemiutang penghakiman sepatutnya menuntut dividen dan faedah bagi baki tunggakan jumlah penghakiman dan bukannya terhadap jumlah keseluruhan penghakiman;
- (iii) pemiutang penghakiman sepatutnya menuntut 1/3 baki tunggakan jumlah penghakiman kerana pemiutang penghakiman telah pun mengambil tindakan kebangkrapan terhadap defendan kedua;

Dalam Perkara: Edwin Cassian a/l Nagappan @ Marie lwn Ex-parte: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
....

- (iv) penghutang penghakiman mengalami masalah mental dan sedang mendapatkan rawatan di Hospital Universiti Malaya. Rawatan yang diterima adalah sejak 8 bulan lepas. Penyampaian notis kebangkrupan seharusnya tidak dianggap sebagai penyampaian yang sempurna.

[5]Penolong Kanan Pendaftar telah membenarkan permohonan tersebut.

KES PEMIUTANG PENGHAKIMAN DALAM RAYUAN

[6]Pemiutang penghakiman berhujah bahawa berdasarkan [seksyen 46 \(1\) Akta KWSP 1991](#) telah memperuntukkan apa-apa caruman yang tidak dibayar oleh sesuatu syarikat maka mana-mana orang yang pernah menjadi pengarah syarikat dalam tempoh yang di dalamnya caruman itu bertanggungjawab dibayar hendaklah bersama dengan syarikat secara bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab membayar caruman tertunggak tersebut kepada KWSP. Oleh itu walaupun penghakiman tidak menyatakan sedemikian, pengarah-pengarah yang merupakan defendan-defendan tersebut dalam penghakiman tersebut adalah bertanggungjawab secara bersama-sama dan berasingan.

ALASAN PENOLONG KANAN PENDAFTAR

[7]Alasan Penolong Kanan Pendaftar adalah seperti berikut:

- (i) kes ini melibatkan penghutang bersama '*joint debtor*' berdasarkan penghakiman persetujuan bertarikh 24.4.2013. Dalam penghakiman persetujuan tersebut penghutang penghakiman telah dinamakan sebagai defendan ke-2 dan sebuah syarikat Fix Interior Collections Sdn Bhd dinamakan defendan pertama manakala Bernard John a/l Nagappan telah dinamakan sebagai defendan ke-3;
- (ii) tiada mana-mana bahagian dalam penghakiman persetujuan menyatakan bahawa penghakiman tersebut perlu dibayar secara bersama dan berasingan. Melalui affidavit pemiutang penghakiman di lampiran 36, pemiutang penghakiman memaklumkan bahawa tindakan kebangkrupan di Mahkamah Tinggi Seremban terhadap defendan ketiga dengan jumlah tuntutan yang sama seperti dalam prosiding ini;
- (iii) Penolong Kanan Pendaftar merujuk kes Mahkamah Rayuan iaitu *Sumathy a/p Subramaniam v Subramaniam a/l Gunasegaran and another appeal* [\[2017\] 6 MLJ 753](#). Menggunapakai kes tersebut, beliau berpendapat kes-kes melibatkan *joint debtor* dan apabila penghakiman yang diperolehi adalah '*silent*' mengenai tanggungjawab defendan-defendan sama ada membayar secara bersama-sama atau berasingan maka jumlah terhutang yang wajar dituntut perlu dibahagikan sama rata.
- (iv) Oleh itu, Penolong Kanan Pendaftar berpendapat jumlah yang dituntut dalam notis kebangkrupan ini tidak tepat, berlebihan dan tidak mematuhi penghakiman persetujuan memandangkan terdapatnya tindakan kebangkrupan di ambil terhadap defendan ketiga di Mahkamah Tinggi Seremban.

KEPUTUSAN

[8]Saya bersetuju dengan alasan Penolong Kanan Pendaftar yang bersandarkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Sumathy a/p Subramaniam v Subramaniam a/l Gunasegaran and another appeal* [\[2017\] 6 MLJ 753](#). Saya petik penghakiman di muka surat 24 laporan seperti berikut:

[24] In the present appeals, the respondent choose to initiate bankruptcy proceedings against both judgment debtors at the same time. In both bankruptcy notices, the respondent claimed that the judgment debtor owes the same sum as appearing in the summary judgment. In view of the *quasi* - criminal nature of bankruptcy proceedings, the requirements of the [Bankruptcy Act 1967](#) and the [Bankruptcy Rules 1969](#) must be strictly complied with. A judgment debtor must be fully aware of what exactly is the act of bankruptcy that he is alleged to have committed. Where the act is over a non-payment of a judgment debt, the appellants must not be left uncertain of the exact amount of the debt due. **From the terms of the judgment, it cannot be that both appellants are required to pay exactly the same sum. As joint debtors, each can only be required, under the law and as ordered by the court, to pay the sum stipulated, jointly and in equal proportions.**

[9]Tidak dinafikan bahawa berdasarkan [seksyen 46 \(1\) Akta KWSP 1991](#) mana-mana orang yang pernah menjadi pengarah syarikat dalam tempoh yang di dalamnya caruman itu bertanggungjawab dibayar hendaklah secara bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab membayar caruman tertunggak tersebut kepada KWSP. Namun saya berpendapat tanggungan secara bersama-sama dan berasingan ini hendaklah dimasukkan dalam penghakiman. Ini kerana prinsip undang-undang mantap di mana mahkamah kebangkrupan tidak boleh melihat di sebalik

Dalam Perkara: Edwin Cassian a/l Nagappan @ Marie Iwn Ex-parte: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan
Pekerja

penghakiman dan selanjutnya, Mahkamah Tinggi adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam **Sumathy** supra.

KESIMPULAN

[10]Berdasarkan alasan di atas rayuan adalah ditolak dengan tanpa perintah kos.

End of Document